



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 17 MAC 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	JUALAN AGRO MADANI PRA SYAWAL TAWAR HARGA BERPATUTAN, LOKAL, HARIAN METRO, M/S - 16	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2.	ILMU DALAM KELAS, HASIL DI LADANG MELON, VARSITY, SINAR HARIAN, M/S - 18	LAIN - LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/3/2026	HARIAN METRO	LOKAL	16

Jualan Agro MADANI Pra Syawal tawar harga berpatutan

Kuala Lumpur: Penganjuran Jualan Agro MADANI Pra Syawal bukan sahaja memberi manfaat kepada pengguna melalui penawaran harga barangan lebih rendah malah membantu usahawan agromakanan tempatan memperluas pasaran mereka.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Aminuddin Zulkipli berkata, melalui program itu, usahawan tempatan dijangka mampu memperoleh tambahan pendapatan antara RM3,000 hingga RM5,000 sepanjang program dari jam 7.30 pagi hingga 3 petang.

“Program ini menyasarkan untuk memenuhi keperluan kira-kira 5.5 peratus daripada jumlah penduduk kawasan Parlimen Selayang yang dianggarkan seramai 363,289 orang berdasarkan data Banci 2020.

“Program ini sebahagian daripada usaha berterusan FAMA bagi memastikan rakyat mendapat akses kepada bekalan makanan yang mencukupi pada harga berpatutan khususnya menjelang musim perayaan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada program itu yang turut dihadiri Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri serta Pengerusi Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, Anfaal Saari di Dataran Ilmu, Bandar Baru Selayang, di sini.



AMINUDDIN

Aminuddin berkata, program itu dijangka menarik kira-kira 5,000 pengunjung yang mewakili sekitar 20,000 isi rumah dengan sasaran nilai jualan sebanyak RM150,000 serta penjimatan kepada pengguna dianggarkan mencecah RM45,000.

Beliau juga berkata, menjelang Aidilfitri, barangan asas seperti daging, beras dan sayur-sayuran berada pada tahap stabil.

“Setakat ini, bekalan dan harga masih stabil, jadi tidak perlu ada pembelian panik,” katanya.

Sementara itu, Anfaal yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Taman Templer berkata, sebanyak 500 ayam dijual pada harga RM10 seekor manakala 1,800 kilogram daging pula dijual pada harga RM30 sekilogram.

“Program ini juga menawarkan diskaun antara 10 hingga 30 peratus bagi beberapa barangan terpilih,” katanya. - BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/3/2026	SINAR HARIAN	SINAR VARSITY	18

18

Sinar VARSITY

Campus Now, Nation Next!



Follow kami juga di FB & IG

ICON Varsity

Mahasiswi UMT jana pendapatan sampingan dengan tanaman melon manis

Susunan: WAN ROSIDA WAN HAMAD

Kesibukan mengikuti pengajian peringkat sarjana di universiti tidak menghalang Fatin Nur Atillia Abdul Razak untuk mengusahakan tanaman melon manis sebagai sumber pendapatan sampingan.

Pelajar Sarjana Agro Teknologi Sains Tanaman Universiti Malaysia Terengganu (UMT) itu berkata, dia mengenali tanaman melon manis semasa menjalani latihan industri di sebuah syarikat pertanian di Kuala Ibai pada 2020.

Fatin Nur Atillia, 28, berkata, dia mula terlibat dalam projek penanaman melon manis pada pertengahan pengajiannya selepas ditawarkan peluang tersebut oleh penyarah penyalianya, Profesor Madya Ts Dr Wan Zaliha Wan Sembok.

Menurutnya, dia menyertai program berkenaan pada pertengahan tahun lalu



SELASA 17 MAC 2026 | SINAR HARIAN

Pengarah Jaminan dan Pengurusan Program Teraju, Suhaila Salleh (kiri) bersama Pengarah Perkhidmatan Kewangan Teraju, Mohd Ariff Ithnia (kanan) melihat tanaman buah melon.

FOTO: BERNAMA

Ilmu dalam kelas, hasil di ladang melon

kerana projek penyelidikannya berkait rapat dengan tanaman melon.

"Peluang ini membolehkan saya mengaplikasikan ilmu yang dipelajari di universiti dalam situasi sebenar," katanya.

Wanita itu antara 28 peserta Projek Melon Manis Terengganu yang dilaksanakan menerusi kerjasama Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) dan UMT.

Tanam 1,000 pokok pada musim pertama

Fatin Nur Atillia berkata, menanam 1,000 pokok melon manis pada musim pertama menggunakan polibeg dengan hasil diperoleh kira-kira 300 hingga 500 kilogram kerana musim telah di penghujung tempoh penanaman.

"Melon manis mengambil masa kira-kira 65 hingga 70 hari sebelum

boleh dituai.

"Buat masa ini melon manis tidak dapat memenuhi permintaan.

"Jadi saya fokus pemasaran di Hulu Terengganu dan lebih menumpukan jualan secara terus ke sekolah serta klinik," katanya.

Fatin Nur Atillia berkata, sambutan yang diterima amat menggalakkan dengan kebanyakan pelanggan berpuas hati terhadap kualiti buah.

"Mereka kata buah rangup dan manis yang sinonim dengan melon manis sekali gus menjadi tarikan utama," katanya.

Fatin Nur Atillia berkata, selain sumber pendapatan, penglibatan dalam penanaman melon manis memberi pengetahuan teknikal kepadanya.

Anak jati Hulu Terengganu itu juga berharap penyertaan dalam projek tersebut membantu meningkatkan pengeluaran hasil dan dapat mengembangkan perniagaannya secara berperingkat.

"Pada awalnya saya mengambil buah daripada petani lain sebelum membina nama sedikit demi sedikit bagi memastikan kualiti buah dan pelanggan berpuas hati.

"Menerusi program ini, saya dapat meningkatkan pengeluaran hasil sendiri dan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada pembekal luar serta memperluas jualan melon manis," katanya. - Bernama

FAKTA PANTAS

- Nama: Fatin Nur Atillia Abdul Razak
- Umur: 28 tahun
- Bidang pengajian: Sarjana Agro Teknologi Sains Tanaman
- Projek: Projek Melon Manis Terengganu
- Kerjasama: Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) dan UMT
- Jumlah tanaman: 1,000 pokok melon manis (musim pertama)
- Hasil tuai: Sekitar 300 - 500 kilogram
- Tempoh matang: 65 - 70 hari sebelum dituai

Selain sumber pendapatan, penglibatan dalam penanaman melon manis memberi pengetahuan teknikal kepada Fatin Nur Atillia.

